

02 AUG 1996

Rafidah-Ekspo

LEBIH 60 SYARIKAT BUMIPUTERA SERTAI EKSPLO PENCAPAIAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Lebih 60 syarikat bumiputera dari pelbagai sektor perniagaan bergabung tenaga menyumbangkan RM2.5 juta bagi menjayakan Ekspo Pencapaian Ekonomi Bumiputera pada 28 Ogos hingga 4 September ini, kata Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz.

Menurutnya, syarikat-syarikat berkenaan akan memaparkan pencapaian usahawan Bumiputera sejak zaman sebelum kemerdekaan hingga kini melalui ekspo berkonsep "terowong masa" sempena Sambutan Ulangtahun Umno Ke-50.

"Untuk ekspo itu, usahawan-usahawan Melayu yang berjaya akan mengetuai 11 sektor yang mempamerkan penglibatan dan pencapaian bumiputera dalam beberapa bidang industri di negara ini," katanya dalam satu persidangan berita di sini, hari ini.

Ekspo berkenaan akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini akan dirasmikan oleh Perdana Menteri dan juga Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Rafidah berkata, ekspo berkenaan terbahagi kepada sektor industri automotif dan pengangkutan jalan yang dipengerusikan oleh Tan Sri Yahya Ahmad, pembangunan hartanah yang dipengerusikan bersama oleh Tan Sri Wan Azmi Wan Hamzah dan Datuk Affendi Nawawi, telekomunikasi dipengerusikan Tan Sri Shamsuddin Abdul Kadir, dan infrastruktur dan lebuhraya dipengerusikan bersama oleh Tan Sri Halim Saad dan Datuk Jaafar Abdul Hamid.

Tang lainnya ialah sektor kewangan dan pengurusan dipengerusikan Tan Sri Abdul Rashid Hussain, pendidikan, pertanian, pengguna dan pengangkutan awam dipengerusikan bersama oleh Tan Sri Basir Ismail dan Datuk Abdullah Sanusi, penerbangan dipengerusikan Tan Sri Tajuddin Ramli, perkapalan dipengerusikan Datuk Halim Mohammad dan sektor petroleum dan petrokimia dipengerusikan Datuk Hassan Merican.

Rafidah yang juga Menteri Perdagangan dan Industri Antarabangsa berkata, ekspo bertema "Umno Tunggak Kecemerlangan" itu akan menunjukkan peranan Umno sebagai tunggak kerajaan, berjaya meningkatkan pencapaian ekonomi negara dan kaum Bumiputera.

Selain itu, katanya, ekspo yang diselaras oleh Pergerakan Wanita Umno dan dipengerusikan oleh beliau sendiri itu akan menyingkap peranan usahawan Bumiputera serta wawasan dan pandangan golongan itu mengenai masa depan negara dan masyarakat Bumiputera. -- BERNAMA

RAZ WAT